

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Ubah persepsi terhadap golongan terpinggir
28 Jul 2010
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
S7
190 cm²
Full Color
1,045
3,135



Ubah persepsi terhadap golongan terpinggir



Sebahagian peserta rombongan program belia prihatin bergambar kenangan bersama penghuni rumah Sinar Salam, baru-baru ini.

CHOW KIT – Kotor dan hina. Mungkin itu yang bermain dalam fikiran masyarakat apabila berbicara tentang golongan pekerja seks, penagih dadah dan penghidap penyakit HIV Aids.

Namun, dengan tertubuhnya Rumah Sinar Salam dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Mawip) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), sedikit sebanyak membantu mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan ini.

Pengasas Rumah Sinar Salam, Arfidah Abdul Latif

berkata, tidak semua menyedari usaha murni penubuhan pusat ini kerana ia kurang mendapat perhatian daripada masyarakat untuk membantu golongan itu keluar dari kehidupan hitam mereka.

“Masyarakat lebih suka melawat rumah anak yatim dan rumah perlindungan lain berbanding Sinar Salam.

“Bukan senang untuk mereka semua ini terus bercampur dengan masyarakat, sekiranya masyarakat tidak datang kepada mereka,”katanya.

Menurutnya, golongan tersebut juga mahu keluar da-

ripada belunggu kehidupan tetapi tidak berpeluang dan belum ada masa yang sesuai.

“Jangan terlepas pandang terhadap penghuni Rumah Sinar Salam kerana mereka juga manusia biasa yang mahu mengecapi kehidupan seperti orang lain”katanya.

Beliau berkata demikian, ketika ditemui semasa program Belia Perihatin Masih Ada Lagi Yang Kasih & Sayang anjuran Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Bukit Bintang dengan kerjasama Majlis Belia dan Gerakan Belia 4B Kawasan Bukit Bintang.